



Muhamad  
Razak  
Idris

muhdrzak@abim.org.my


# Pendekatan menyeluruh perangi rasuah

## Pendakwah mesti bantu tanam budaya benci terhadap suapan dalam fikiran masyarakat

**B**ANYAK persoalan dakwah dilontarkan Presiden Jemaah Islam Malaysia (JIM), Zaid Kamaruddin ketika menyampaikan ucapan dasar pada Perhimpunan Perwakilan Nasional ke-20 baru-baru ini. Antara persoalan menarik daripada ucapan beliau ialah bahaya rasuah dan tuntutan untuk kita terutama pendakwah memeranginya.

Dalam ucapannya, beliau mengutip anggaran Bank Dunia berkaitan rasuah. Menurut Bank Dunia, AS\$1 trilion sudah dibayar sebagai rasuah daripada keseluruhan untung kasar hasil dalaman dunia iaitu AS\$2.6 trilion. Rasuah juga mengakibatkan peningkatan 10 peratus kos menjalankan perniagaan di seluruh dunia dan mencecah 25 peratus kos mendapatkan kontrak di negara membangun. Dinyatakan juga ada negara hilang sehingga 20 peratus pendapatan dalam negara disebabkan rasuah. Begitulah besarnya bahaya menimpa masyarakat dunia disebabkan rasuah. Ternyata ia membebaskan daya saing ekonomi dan membawa negara dalam kerugian secara berleluasa.

Bahaya rasuah terhadap pembangunan sesebuah negara juga ditinjau menerusi laporan United Nations Office on Drugs and Crime (UNODC) 2010. Laporan ini menyebut rasuah adalah halangan terbesar kepada pembangunan ekonomi dan sosial. Rasuah membantutkan pertumbuhan ekonomi dan melepaskan dana untuk perkhidmatan masyarakat. Apabila wang kerajaan dan rakyat disedut ke dalam akaun persendirian, sumber berkurangan untuk membina sekolah, hospital atau jalan raya. Apabila bantuan asing lesap ke dalam kantung peribadi, projek infrastruktur yang besar tergendala.



PEMBALAKAN haram yang mengaut rakus khazanah negara boleh berlaku angkara rasuah.

Rasuah juga memberi akibat terhadap sistem demokrasi kerana menyekat kemampuan kerajaan berfungsi secara berkesan menyediakan perkhidmatan kritikal untuk rakyat. Ini menyebabkan rakyat hilang keyakinan kepada kerajaan. Kesan lain rasuah ialah keluhuran undang-undang. Rasuah mewujudkan jenayah terancang termasuk pengedar dadah dan senjata. Ini secara langsung menjejaskan keselamatan dan memudahkan jaringan pengganas berkembang.

Apakah kita mempunyai kemampuan menghalang rasuah? Kata Zaid, tentu kita mampu kerana rasuah bermula dengan keputusan peribadi, selalunya digerakkan ketama-

kan dan kemiskinan. Untuk menyekat rasuah, kita perlu membina budaya integriti dan keluhuran undang-undang. Ia adalah tanggungjawab kerajaan dan masyarakat.

Dalam hal ini, agenda memerangi rasuah nampaknya harus bermula menerusi proses pembudayaan. Ia bermaksud, tuntutan untuk kita mendidik dan menanam kefahaman dalam fikiran masyarakat terhadap bahaya rasuah kepada pertumbuhan diri dan pembangunan negara secara keseluruhan. Ia juga berkaitan dengan usaha mewujudkan rasa benci terhadap perbuatan rasuah dan berasa hina apabila diri digelar sebagai perasuah.

Usaha memerangi rasuah me-

merlukan pendekatan yang menyeluruh meliputi peranan untuk kita membina budaya beramanah dalam segala urusan kehidupan sama ada pada peringkat kerajaan, perniagaan, media, masyarakat madani dan seluruh masyarakat.

Langkah lain ialah memastikan urusan tadbir kerajaan dikendalikan dengan tatacara yang baik. Antara aspek penting dalam tatacara kerajaan yang baik ialah menerusi langkah mempertahankan keutuhan perlembagaan, menghormati kedaulatan undang-undang dan mengamalkan pengasingan kuasa dalam pentadbiran. Menerusi langkah ini, proses pertumbuhan negara terjadi secara seimbang dan

telus berdasarkan sandaran perundangan yang berdaulat.

Proses pengukuhan tatacara kerajaan yang baik juga memerlukan beberapa elemen sokongan seperti kumpulan pembangkang berwibawa, sistem kehakiman yang bebas dan perkhidmatan awam yang tidak memihak. Elemen ini akan menyumbang kepada kewujudan persekitaran sihat dan seimbang yang secara langsung mengekang rasuah dalam masyarakat dan negara.

Proses memerangi rasuah juga menuntut peranan agama diperkukuhkan. Agama menunjukkan sempadan nilai dan menanamkan sikap rasa hina apabila terjebak dalam perbuatan rasuah. Agama menekankan balasan ditanggung pemberi dan penerima rasuah terutama pada hari pembalasan kelak. Agama juga menanam sikap tanggungjawab dan amanah dalam diri individu. Kita yakin semakin teguh pegangan agama, semakin jauh diri terjebak dengan rasuah.

Dalam kaitan ini, marilah kita bersama memerangi gejala rasuah. Bagi kita, ia adalah keutamaan dakwah masa kini. Memandangkan rasuah ialah barah bagi segala keresakan, tugas memeranginya harus dijayakan tanpa henti. Ia harus bermula dari dalam dari kita sendiri. Seterusnya kita memantau perbuatan ini di kalangan keluarga dan sahabat handai. Peranan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dalam hal ini amat penting. Diharap SPRM sebagai badan tertinggi yang dipertanggungjawabkan memerangi rasuah terus meningkatkan kecekapannya bagi membebaskan masyarakat dan negara daripada bahaya rasuah.

Penulis ialah Presiden Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM)